

Keberkesanan Program Skuad 1Malaysia Dalam Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Klien Berisiko di Komuniti

Chan Yuen Fook, Gurnam Kaur Sidhu, Wee Eng Hoe, Mohd. Zaiham Abd. Hamid
& Abdul Halim Mohd Hussin

Universiti Teknologi MARA

Maklumat Penulis: Chan Yuen Fook (Prof. Dr.) adalah pensyarah dan penyelidik di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Email: yuenfook@salam.uitm.edu.my

Gurnam Kaur Sidhu (Prof. Dr.) adalah pensyarah dan penyelidik di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. Email: gurnamsidhu@salam.uitm.edu.my.

Abdul Halim Mohd Hussin (Prof. Dato' Dr.) adalah pensyarah dan penyelidik di Fakulti Pengurusan dan Kepimpinan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan. Email: halim@usim.edu.my

Penyelidikan ini dibiayai melalui Geran Penyelidikan Ilmiah, Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri.

Keberkesanan Program Skuad 1Malaysia Dalam Pencegahan Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Klien Berisiko Di Komuniti

Abstrak

Program SKUAD 1Malaysia adalah satu inisiatif bijak pihak kerajaan untuk menggabungkan badan-badan pencegahan dadah di Malaysia di bawah satu badan. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan oleh SKUAD 1Malaysia dalam usaha membantu mencegah penyalahgunaan dadah di Malaysia. Walaubagaimanapun, tahap keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia dalam aktiviti pencegahan dadah masih belum dapat dipastikan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap keberkesanan program ini dari pelbagai aspek seperti memberi kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah kepada komuniti; memberi pertolongan dan sokongan; menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosikan perkhidmatan AADK; serta menjimatkan kos dalam pencegahan dadah dalam komuniti. Kaedah penyelidikan campuran telah digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian. Dua instrumen iaitu borang soal selidik sukarelawan dan borang soal selidik klien, telah diguna untuk memperoleh data kuantitatif. Empat daerah terpilih dari empat buah negeri berbeza telah terlibat dalam kajian ini iaitu Daerah Muar, Dang Wangi, Seberang Perai Tengah dan Kuala Langat. Seramai 678 sukarelawan dan 608 klien telah terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan Program SKUAD 1Malaysia berjaya mencapai tiga objektif utama penubuhannya dalam pencegahan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Selain itu, beberapa cadangan untuk kajian masa depan juga dibincangkan.

Kata Kunci: Program SKUAD 1Malaysia; mencegah penyalahgunaan dadah; agen penyalur maklumat .

Abstract

SKUAD 1Malaysia Program is a brilliant initiative by the government to incorporate drug prevention organizations in Malaysia under one body. To date, various activities were organized by SKUAD 1Malaysia in preventing drug abuse in Malaysia. However, the effectiveness of SKUAD 1Malaysia Program in drug prevention activities have yet to be determined. Therefore this study was undertaken to evaluate the effectiveness of SKUAD 1Malaysia Program from different aspects namely, raising awareness about the dangers of drug abuse to the community; providing help and support; to be agent in spreading the information and promoting AADK services; and saving cost of drug prevention in the community. Mix methods researches were used to obtain information for this research. Two set of questionnaires, have been used to obtain quantitative data; volunteer questionnaire and client questionnaire. Four selected districts from four different states were involved in the study which was Muar District, Dang Wangi District, Seberang Perai Tengah District and Kuala Langat District. A total of 678 volunteers and 608 clients were involved in this study. The results showed SKUAD 1Malaysia Program has achieved the three important objectives of substance abuse prevention in Malaysia. In addition, a number of recommendations for future research are also discussed.

Keywords: 1Malaysia SKUAD Program; preventing drug abuse; to be agent in spreading the information.

Pengenalan

Penyalahgunaan dadah secara umumnya boleh didefinisikan sebagai satu penyalahgunaan atau pengambilan alkohol, tembakau (tobacco) atau dadah yang dilarang secara berlebihan. Menurut Tull (2008), penyalahgunaan dadah merupakan sejenis kelakuan tidak terkawal dan penagihan yang disebabkan oleh penggunaan bahan yang merbahaya seperti alkohol, dadah dan lain-lain boleh menyebabkan kesan bahaya terhadap hidup individu. Di Malaysia, statistik menunjukkan bahawa terdapat hampir 3.6 juta perokok pada tahun 2000 dan ini dijangka akan meningkat kepada 4.6 juta menjelang tahun 2025 (PROSTAR, 2007). Dalam tahun 1998, kematian tahunan akibat merokok di Malaysia berjumlah 10,000 orang pada tahun tersebut dianggarkan akan meningkat kepada 30,000 orang pada 10 tahun akan datang (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2005). Laporan AADK 2009 (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2009) juga menunjukkan bahawa seramai 14,730 orang penagih dadah baru yang ditahan dalam tahun 2010 berbanding 1602 orang pada tahun 2009. Selain itu, seramai 80,960 orang telah ditahan kerana terlibat dalam penyalahgunaan dadah sepanjang tahun 1985 dan 2010. Dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa penyalahgunaan dadah masih merupakan satu masalah yang besar di Malaysia.

Di Malaysia, AADK dan agensi-agensi luar telah banyak berusaha untuk mencegah penyalahgunaan dadah. Sejak tahun 2011, AADK telah mula memberi fokus kepada strategi berasaskan komuniti untuk membanteraskan dadah. Pelbagai usaha dan aktiviti telah dijalankan secara giat bagi memastikan isu penyalahgunaan dadah dapat dibendung dalam sesebuah komuniti. Salah satu usaha tersebut adalah dengan tertubuhnya SKUAD 1Malaysia.

Sebelum inovasi SKUAD 1Malaysia diperkenalkan, terdapat banyak persatuan sukarela (NGOs), individu, agensi swasta dan sukarelawan yang membantu AADK dalam melaksanakan program rawatan dan pemulihan serta pencegahan seperti SMART, PLKN, RADA, MAWADAH, dan HADA. Walau bagaimanapun, program dan aktiviti yang dijalankan adalah secara individu dan berasingan. Ini adalah kerana setiap pihak mempunyai peranan dan matlamat yang berbeza dalam menyampaikan perkhidmatan masing-masing (AADK, 2012b). Dengan itu, persatuan-persatuan sukarelawan ini menghadapi beberapa masalah. Masalah yang pertama ialah promosi sukar dilaksanakan kerana jenama yang berbeza. Ini adalah kerana jenama yang berbeza mempunyai nilai berita yang kurang dalam kalangan media. Masalah kedua ialah program yang dilaksanakan adalah atas kapasiti organisasi atau persatuan yang diwakili sahaja dan tiada perkongsian pintar berlaku. Masalah ketiga ialah penyimpanan rekod ahli yang kurang tersusun. Masalah terakhir adalah setiap persatuan menggerakkan dan menggunakan sumber-sumber yang berbeza mengikut peranan persatuan masing-masing (AADK, 2012b). Setiap tahun, kerajaan memberi geran peruntukan kepada banyak pertubuhan sukarelawan dalam usaha mencegah penyalahgunaan dadah namun hasil yang diperolehi masih kurang memberangsangkan. Justeru itu, penggabungan di bawah AADK membolehkan perancangan kewangan dalam pelaksanaan program dijalankan secara lebih sistematik dan menjimatkan. Melalui perluasan keahlian SKUAD 1Malaysia, peranan AADK sebagai agensi utama dalam menangani masalah dadah dapat diperluaskan. Tugas yang dilaksanakan oleh seorang pegawai antidadah dapat diagihkan kepada golongan sukarelawan dalam melaksanakan program dan aktiviti pencegahan dan rawatan pemulihan dadah (AADK, 2012a). Dengan itu, penjimatan kos dalam usaha pencegahan dadah melalui penglibatan ahli sukarelawan boleh dipertimbangkan untuk kajian ini.

Pelaksanaan program dan aktiviti oleh ahli SKUAD 1Malaysia adalah bertujuan menjanakan tenaga sukarelawan secara holistik dalam membantu AADK menjalankan fungsi-fungsi pencegahan, rawatan dan pemulihan seterusnya ke arah kesejahteraan masyarakat. Terdapat pelbagai bentuk program dan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh ahli SKUAD 1Malaysia. Antaranya ialah program sukan, kesihatan, keagamaan, rawatan dan pemulihan dadah, dan keusahawanan. Peranan dan khidmat bakti sukarelawan antidadah (SKUAD 1Malaysia) dilihat dapat memberi nilai tambah yang

cukup besar dalam fungsi dan peranan AADK dalam penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan dapat dirasai oleh rakyat. Setakat ini, ahli-ahli SKUAD 1Malaysia telah menjalankan sebanyak 218 program dengan penglibatan seramai 25,358 orang peserta di peringkat komuniti (AADK, 2012a). Program-program yang dianjurkan adalah berbentuk “outreaching”, sukan dan rekreasi, kebudayaan, forum dan lawatan sambil belajar ke Klinik Cure and Care 1Malaysia. Secara amnya, program SKUAD 1Malaysia dilihat berjaya dalam menggerakkan gelombang kesukarelawan di Malaysia, walau bagaimanapun kajian perlu dijalankan untuk menilai tahap keberkesanan program ini dalam membantu mencegah penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai tahap keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia dalam mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia dari pelbagai aspek. Aspek-aspek yang dinilai adalah dari segi memberi kesedaran mengenai bahaya dadah kepada komuniti, memberi pertolongan dan sokongan, menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosikan perkhidmatan AADK dan menjimatkan kos dalam pencegahan dadah di komuniti. Perbezaan tahap keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia dalam memberi kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada komuniti juga diteliti mengikut faktor demografi seperti jantina, lokasi, bangsa dan umur.

Persoalan Kajian

1. Setakat manakah SKUAD 1Malaysia dapat memberi kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada komuniti?
2. Setakat manakah SKUAD 1Malaysia dapat memberi pertolongan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi masalah dadah?
3. Setakat manakah SKUAD 1Malaysia dapat menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosi perkhidmatan AADK?
4. Setakat manakah program SKUAD 1Malaysia telah dapat menjimat kos dalam pencegahan dadah di komuniti?

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kuantitatif iaitu dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengutip data tentang tahap keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia yang telah dikendalikan kepada klien berisiko di komuniti. Seramai 608 klien dari empat buah daerah iaitu Daerah Muar, Dang Wangi, Seberang Perai Tengah dan Kuala Langat telah dipilih untuk mengisi borang soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik dan pembantu penyelidik di tempat kajian. Data yang dikutip telah dianalisa untuk mengenalpasti tahap keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia dalam pencapaian tiga objektif utama penubuhan SKUAD 1Malaysia iaitu memberi kesedaran mengenai bahaya dadah kepada komuniti, memberi pertolongan dan sokongan, menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosikan perkhidmatan AADK, dan menjimatkan kos dalam pencegahan dadah di komuniti.

Teknik Persampelan

Subjek kajian dipilih berdasarkan persampelan kelompok untuk mendapatkan data kajian. Persampelan kluster ialah satu teknik yang digunakan apabila kumpulan "semulajadi" jelas dalam statistik penduduk. Ia sering digunakan dalam penyelidikan pemasaran. Melalui teknik ini, sampel kluster dipilih daripada jumlah keseluruhan peserta program / aktiviti SKUAD 1Malaysia yang

berisiko dari sesuatu daerah dibahagikan mengikut kumpulan-kumpulan (kelompok). Maklumat yang diperlukan dikumpulkan daripada unsur-unsur dalam setiap kumpulan yang dipilih. Ini boleh dilakukan bagi setiap unsur dalam kumpulan ataupun mengikut satu sub sampel unsur-unsur yang boleh dipilih dalam setiap kumpulan. Persampelan berkelompok boleh mengurangkan kos apabila populasi penduduk yang bertaburan di kawasan yang luas (Sarndal, Swenson, & Wreman, 1992; Gay, Mills & Airasian, 2006). Berdasarkan rasional tersebut, persampelan kluster telah digunakan untuk memilih peserta berisiko daripada Daerah Muar, Dang Wangi, Seberang Perai Tengah dan Kuala Langat untuk menjawab soalan soal selidik klien yang diedarkan.

Dapatan Kajian

Tahap Keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia dalam Memberi Kesedaran Mengenai Bahaya Penyalahgunaan Dadah kepada Komuniti

Jadual 1 di bawah menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa Program SKUAD 1Malaysia telah menjadikan mereka lebih berpengetahuan mengenai cara-cara pencegahan dadah (Min = 3.37, SP = .576), sedar tentang kesan negatif dadah kepada kesihatan (Min = 3.35, SP = .541), lebih peka dengan keadaan sekeliling mereka dan akan melaporkan sekiranya terdapat aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan mereka (Min = 3.34, SP = .542), mempunyai perasaan ingin membantu individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Min = 3.31, SP = .571), dan mampu menyakinkan responden untuk berkongsi maklumat bahaya penyalahgunaan dadah yang mereka perolehi dengan orang lain (Min = 3.30, SP = .552). Dapatan kajian juga menunjukkan Program SKUAD 1Malaysia mampu menyakinkan klien untuk berkongsi maklumat tentang jenis dadah yang membahayakan kesihatan dengan orang lain (Min = 3.29, SP = .588), dan mempunyai maklumat tentang jenis dadah yang membahayakan kesihatan (Min = 3.23, SP = .560).

Jadual 1

Kesan Program SKUAD 1Malaysia terhadap klien sebagai peserta

Pernyataan	N	Min	SP
Mempunyai lebih pengetahuan mengenai cara-cara pencegahan dadah	597	3.37	.576
Sedar tentang kesan negatif dadah kepada kesihatan	595	3.35	.541
Akan lebih peka dengan keadaan sekeliling saya dan akan melaporkan sekiranya terdapat aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan saya	595	3.34	.542
Mempunyai perasaan ingin membantu individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah	593	3.31	.571
Sedar tentang bahaya penyalahgunaan dadah	577	3.70	.510
Akan berkongsi maklumat bahaya penyalahgunaan dadah yang saya perolehi dengan orang lain	593	3.30	.552
Akan berkongsi maklumat tentang jenis dadah yang membahayakan kesihatan dengan orang lain	597	3.29	.588
Mempunyai maklumat tentang jenis dadah yang membahayakan kesihatan	593	3.23	.560

Skala: 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-setuju, 4-sangat setuju

Selain itu analisis juga dijalankan untuk mengetahui sekiranya faktor demografi seperti jantina, lokasi, bangsa dan umur menyumbang kepada tahap keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia dalam memberi kesedaran kepada komuniti tentang bahaya penyalahgunaan dadah. Jadual 2 menunjukkan tiada perbezaan signifikan ($p > .05$) dalam skor min untuk lelaki (Min = 3.33, SP =

.423) dan perempuan (Min = 3.32, SP = .486; $t(595) = .348$, $p = .728$). Oleh itu, faktor jantina dilihat tidak menentukan perbezaan tahap kerberkesanan SKUAD 1Malaysia di kalangan peserta yang telah menghadiri aktiviti /program SKUAD 1Malaysia yang dianjurkan oleh ahli sukarelawan.

Jadual 2

Analisis Ujian-T tahap kerberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap klien mengikut jantina

Jantina	Min	SP	df	t	p
Lelaki (458)	3.33	.423	595	.348	.728
Perempuan (139)	3.32	.486			

Analisis ANOVA juga dilakukan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan tahap kerberkesanan program SKUAD 1Malaysia di kalangan klien antara daerah-daerah. Analisis ANOVA satu hala (Jadual 3) menunjukkan terdapat perbezaan signifikan dalam skor min untuk tahap keberkesanan program SKUAD 1Malaysia di kalangan klien antara Daerah Muar (Min = 3.20, SP = .350), Kuala Langat (Min = 3.41, SP = .358), Seberang Perai Tengah (Min = 3.25, SP = .479) dan Dang Wangi (Min = 3.41, SP = .527) pada tahap $p < .01$. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap keberkesanan program SKUAD 1Malaysia di kalangan klien mengikut daerah. Responden dari Daerah Kuala Langat dan Dang Wangi mengakui bahawa aktiviti/program SKUAD 1Malaysia yang dihadiri telah memberi kesan yang lebih tinggi kepada mereka berbanding dengan daerah lain.

Jadual 3

Analisis ANOVA tahap kerberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap klien mengikut daerah

Daerah	Min	SP	F	P
Muar (147)	3.20	.350	9.684	.000
Kuala Langat (183)	3.41	.358		
Seberang Perai Tengah (118)	3.25	.479		
Dang Wangi (149)	3.41	.527		

Jadual 4 pula menunjukkan analisis ANOVA tahap keberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap klien mengikut bangsa. Analisis ANOVA satu hala menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor min untuk tahap keberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap klien antara Melayu (Min = 3.30, SP = .428), Cina (Min = 3.58, SP = .372), India (Min = 3.25, SP = .559) dan lain-lain (Min = 3.00, SP = .000) pada tahap $p < .01$. Keputusan ini menunjukkan bahawa faktor bangsa menentukan perbezaan tahap keberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap peserta. Responden berbangsa Cina berpendapat bahawa program SKUAD 1Malaysia telah memberi kesan lebih tinggi kepada mereka berbanding dengan bangsa-bangsa lain.

Jadual 4

Analisis ANOVA tahap kerberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap klien mengikut bangsa

Bangsa	Min	SP	F	P
Melayu (499)	3.30	.428	8.390	.000
Cina (62)	3.58	.372		
India (34)	3.25	.559		
Lain-lain (2)	3.00	.000		

Jadual 5 pula menunjukkan analisis ANOVA dalam aspek tahap keberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap peserta mengikut umur. Analisis satu hala menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam skor min untuk tahap keberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap peserta antara responden yang berumur 16 – 25 tahun (Min = 3.29, SP = .488), 26 – 35 tahun (Min 3.37, SP = .393), 36 – 45 tahun (Min = 3.37, SP = .353), 46 – 55 tahun (Min = 3.34, SP = .419), dan yang berumur 55 tahun ke atas (Min = 3.40, SP = .548) pada tahap $p > .05$.

Jadual 5

Analisis ANOVA tahap keberkesanan program SKUAD 1Malaysia terhadap klien mengikut umur

Kumpulan Umur	Min	SP	F	p
16-25 tahun (284)	3.29	.488	1.212	.301
26-35 tahun (185)	3.37	.393		
36-45 tahun (92)	3.37	.353		
46-55 tahun (31)	3.34	.419		
55 tahun ke atas (5)	3.40	.548		

Tahap Keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia kepada Klien Berisiko Secara Keseluruhan

Selain daripada memberikan kesedaran tentang bahaya dadah kepada komuniti, tahap keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia juga dilihat dari tiga aspek penting lain iaitu dalam memberi pertolongan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi masalah dadah, menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosikan perkhidmatan AADK, dan menjimatkan kos dalam pencegahan dadah dalam komuniti.

Dari segi memberi pertolongan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi masalah dadah, dapatan di dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa program/aktiviti SKUAD 1Malaysia mampu memujuk klien untuk mengikuti rawatan di klinik C & C/ C & CH (Min = 3.35, SP = .557), memberi kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada komuniti (Min = 3.28, SP = .536), memberi pertolongan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi masalah dadah (Min = 3.20, SP = .494), dan membantu klien mendapatkan pekerjaan yang sesuai (Min = 3.28, SP = .533).

Selain itu, responden juga bersetuju program/aktiviti SKUAD 1Malaysia berjaya menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosikan perkhidmatan AADK. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan program/aktiviti SKUAD 1Malaysia memudahkan promosi dan publisiti dilaksanakan kerana imej dan branding SKUAD 1Malaysia yang kuat dan jelas (Min = 3.37, SP = .582), dan menjadi agen penyalur maklumat dan promosi AADK kepada orang awam (Min = 3.25, SP = .543) dengan secara berkesan.

Dalam aspek penjimatan kos pula, responden berpendapat bahawa program/aktiviti SKUAD 1Malaysia berjaya menjimatkan kos dalam usaha pencegahan dadah dalam komuniti. Ini dapat dilihat apabila responden bersetuju bahawa program/aktiviti SKUAD 1Malaysia membolehkan perkongsian peruntukan antara kumpulan yang berbeza (Min = 3.36, SP = .561), meningkatkan hasil kerja kerana ahli-ahli SKUAD yang kebanyakannya kreatif dan mempunyai latar belakang yang profesional (Min = 3.32, SP = .539), menjimatkan tenaga kerana melibatkan ahli-ahli SKUAD 1Malaysia secara menyeluruh (Min = 3.16, SP = .488), menjimatkan masa dalam pemantauan dan penyeliaan aktiviti persatuan sukarelawan anti dadah (Min = 3.01, SP = .791), dan menjimatkan kos dalam penganjuran aktiviti pencegahan dadah di komuniti mereka. (Min = 2.99, SP = .702)

Jadual 6

Impak pelaksanaan program/aktiviti SKUAD 1Malaysia secara keseluruhan

Impak Program/Aktiviti SKUAD 1Malaysia	N	Min	SP
Pertolongan dan sokongan			
Memujuk klien yang mengikuti rawatan di klinik C&C/C&CH	594	3.35	.557
Memberi kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada komuniti	634	3.28	.536
Memberi pertolongan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi masalah dadah	637	3.20	.494
Membantu klien mendapatkan perkerjaan yang sesuai	590	3.28	.533
Menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosikan AADK			
Memudahkan promosi dan publisiti dilaksanakan kerana imej dan <i>branding</i> SKUAD 1Malaysia yang kuat dan jelas	622	3.37	.582
Menjadi agen penyalur maklumat dan promosi AADK kepada orang awam	621	3.25	.543
Menjimatkan kos dalam pencegahan dadah di komuniti			
Perkongsiannya peruntukan antara kumpulan yang berbeza	592	3.36	.561
Meningkatkan hasil kerja kerana ahli-ahli SKUAD yang kebanyakan kreatif dan mempunyai latar belakang yang professional	621	3.32	.539
Menjimatkan tenaga kerana melibatkan ahli-ahli SKUAD 1Malaysia secara menyeluruh	634	3.16	.488
Menjimatkan kos dalam penganjuran aktiviti pencegahan dadah di Komuniti anda	628	3.01	.791
Menjimatkan masa dalam pemantauan dan penyeliaan aktiviti persatuan sukarelawan antidadah	635	2.99	.702

*1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-setuju, 4-sangat setuju

Perbincangan dan Implikasi Kajian

Dapatan kajian menunjukkan secara umumnya Program SKUAD 1Malaysia dapat memberikan kesan positif kepada golongan berisiko di komuniti. Program SKUAD 1Malaysia dilihat dapat menjadikan responden lebih berpengetahuan mengenai cara-cara pencegahan dadah, sedar tentang kesan negatif dadah kepada kesihatan, lebih peka dengan keadaan sekeliling mereka, dan akan melaporkan sekiranya terdapat aktiviti penyalahgunaan dadah di kawasan mereka, dan mempunyai maklumat tentang jenis dadah yang membahayakan kesihatan. Ini adalah sejajar dengan kajian oleh Ehterami (2007), di mana pendekatan berasaskan komuniti merupakan pendekatan dominan dalam pencegahan dadah. Dengan mewujudkan aktiviti yang melibatkan komuniti secara tidak langsung dapat menyedarkan masyarakat tentang pentingnya memerangi dadah di komuniti masing-masing. Fatemah dan Hamid Reza, (2009) juga menyokong dapatan ini di mana mereka menyatakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam pengetahuan dan sikap terhadap penyalahgunaan dadah bagi peserta yang telah menyertai program pencegahan di komuniti berbanding dengan yang mereka yang belum pernah terlibat.

Program SKUAD 1Malaysia juga dilihat berjaya memberikan pertolongan dan sokongan kepada mereka yang menghadapi masalah dadah, menjadi agen penyalur maklumat dan mempromosikan perkhidmatan AADK, dan mampu menjimatkan kos dalam pencegahan dadah dalam komuniti. Ini adalah dapatan yang positif kerana menurut Fatemah dan Hamid Reza (2009), program

pengecahan dadah yang berjaya adalah program yang mampu membekalkan strategi integratif kesihatan yang dapat mengurangkan faktor risiko, menambahkan faktor perlindungan dan pengetahuan tentang bahaya dadah di samping meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan pengurusan emosi di kalangan peserta. Fauziah, Bahaman, Mansor dan Mohamas (2012) juga menyatakan penagih perlukan sokongan bagi mengekalkan gaya hidup bebas dadah. Oleh itu, sokongan daripada masyarakat adalah amat penting dalam membantu bekas penagih yang telah pulih untuk kekal bebas daripada dadah. Program SKUAD 1Malaysia berjaya memenuhi keperluan ini dengan menyediakan sokongan bukan sahaja dari segi mental, malah fizikal untuk membantu bekas penagih seperti bantuan pembangunan kerjaya, *outreaching*, lawatan sambil belajar ke Klinik Cure and Care. Oleh yang demikian, Program SKUAD 1Malaysia dilihat sebagai strategi berkesan kerana ia mampu menjadi satu program pengecahan dadah yang berjaya di komuniti.

Penjimatan kos juga adalah amat penting kerana menurut AADK (2009), kerajaan perlu membelanjakan sekurang-kurangnya 19 juta setiap tahun untuk penagih, manakala Majlis AIDS Malaysia pula perlu membelanjakan sekurang-kurangnya 40 juta mangsa AIDS setiap tahun. Ini adalah jumlah yang amat besar di mana SKUAD 1Malaysia dipercayai mampu menjimatkan kos penganjuran pengecahan dadah di komuniti, dan membolehkan perkongsian peruntukan antara kumpulan yang berbeza. Ini juga disokong oleh *Health Foundation of Greater Cincinnati* (2010), di mana pengecahan penyalahgunaan dadah boleh menjimatkan kos dengan menghentikan masalah penyalahgunaan dadah sebelum ia mula merebak kerana ia dapat mengurangkan belanja yang lebih besar untuk rawatan yang melibatkan penyalahgunaan dan penagihan dadah.

Walaupun dapatan kajian menunjukkan Program SKUAD 1Malaysia mampu menjimatkan kos dalam pengecahan dadah dalam komuniti, kajian yang lebih terperinci perlulah dilakukan supaya langkah-langkah penjimatan yang lebih efektif dapat dilakukan oleh AADK. Selain itu, Program SKUAD 1Malaysia dilihat berkesan dalam menangani masalah pengecahan dadah di Malaysia. Oleh yang demikian, program ini seharusnya diteruskan di masa hadapan dengan melakukan penambahbaikan dari masa ke semasa.

Kesimpulan

Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa Program SKUAD 1Malaysia berkesan dalam mencegah aktiviti penyalahgunaan dadah di kalangan peserta berisiko dari pelbagai aspek. Walau bagaimanapun, langkah-langkah berterusan perlu diambil oleh semua pihak terutamanya AADK supaya penambahbaikan boleh dilakukan dalam memastikan tahap keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia dapat dipertingkatkan. Justeru, kajian penilaian program ini perlulah dilakukan dari semasa dan pemantauan yang teliti daripada pelbagai pihak yang berkenaan perlulah dilakukan untuk memastikan program ini dapat dilakukan dengan lebih efektif dalam usaha mencapai objektif Malaysia sebagai sebuah negara bebas daripada ancaman dadah.

Penghargaan

Kertas kerja merupakan sebahagian daripada hasil kajian dalam Projek Penyelidikan bertajuk “Keberkesanan Program SKUAD 1Malaysia dalam Pencegahan Dadah di Malaysia” yang ditaja sepenuhnya oleh Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- AADK. (2009). *Laporan Dadah 2009*. Agensi Anti dadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri. (atas talian) Dicapai pada 18 September 2012 dari <http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/laporandadahdis09.pdf>
- AADK. (2012a). *Gelombang kesukarelawan rakyat terhadap kesedaran dadah*. Kajang: AADK, Kementerian Dalam Negeri.
- AADK. (2012b). *Laporan anugerah inovasi Kementerian Dalam Negeri 2012*. Kajang: AADK, Kementerian Dalam Negeri.
- Ehterami, M. (2007). *Evaluating community-based drug abuse prevention programs in urban and rural area in Iran*. Unpublished doctoral dissertation, University of Welfare, Iran.
- Fatemeh Sarami and Hamid Reza Sarami (2009). Community intervention and effective substance abuse prevention. *Humanity & Sosial Sciences Journal*, 4(1), 1-5, 2009.
- Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah, Mansor Abu Talib & Mohamas Shatar Sabran (2012). Penagihan Dadah dan Keadaan Berisiko Tinggi Kembali Relaps, *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 38-49.
- Health Foundation of Greater Cincinnati. (2010). *Supporting Community-Based Substance Abuse Prevention*. Cincinnati.
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2005). *Modul Berhenti Merokok* (1st ed.). Dicapai pada 10 September 2012 dari <http://www.infosihat.gov.my/khas/PPKK/Modul/Modul%20Berhenti%20Merokokweb.pdf>
- PROSTAR. (2007). *Healthy programme without AIDS for youth*. Kelab Prostar Malaysia. Dicapai pada 17 Julai dari http://www.prostar.gov.my/JR_Rokok_BI.htm
- Tull, M. (2008). *Attacking substance abuse problems*. Dicapai pada 27 Julai 2012 dari <http://asapvols.wordpress.com/2012/01/11/what-is-substance-abuse/>